



## NEGERI SABAH

[JPAN: 700-2/1 Jld.4 (44 )]

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.1/ 2021

#### SUBSIDI UJIAN SARINGAN COVID-19 BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi subsidi ujian saringan COVID-19 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

#### LATAR BELAKANG

2. Susulan daripada peningkatan bilangan kes positif COVID-19 di Negeri Sabah, pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri terutama yang terdedah atas dasar tugas telah diarah untuk menjalani saringan COVID-19 di hospital / klinik kerajaan atau hospital/klinik swasta atas kos tanggungan sendiri.
3. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberi subsidi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak dikategorikan sebagai kontak rapat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menjalani ujian saringan sebagai salah satu usaha kerajaan menjaga kebijakan dan mengekang penularan awal jangkitan di kalangan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri.

4. Kemudahan subsidi saringan COVID-19 ini tidak melibatkan kontak rapat yang telah disaring oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## **PELAKSANAAN**

### **Kelayakan**

5. Pegawai berikut layak diberi bayaran subsidi ujian saringan COVID-19:

- (i) pegawai lantikan tetap, sementara dan *contract of service*;
- (ii) kemudahan ini juga turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian, Pegawai Lantikan Politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat dan Pegawai Kerajaan Lantikan vot terbuka. Bagi kategori ini, bayaran hendaklah ditanggung oleh agensi masing-masing menggunakan peruntukan sedia ada.

### **Syarat**

6. Ketua Jabatan boleh mengarahkan seseorang pegawai untuk menjalani ujian saringan dengan kriteria berikut:

- (i) pernah berhubung dengan kes positif semasa bertugas di pejabat atau lain-lain lokasi semasa waktu pejabat tetapi tidak dikenal pasti sebagai kontak rapat;
- (ii) demam, jangkitan salur pernafasan atau salah satu simptom / gejala berikut: hilang deria rasa, batuk, sakit tekak dan sesak nafas.

## **Kadar**

7. Kadar pemberian subsidi adalah seperti berikut:
  - (i) **RM150.00** kepada pegawai yang menjalani ujian ***RT-PCR*** atau;
  - (ii) **RM60.00** bagi ujian ***RTK antigen***.
8. Pemberian subsidi ini layak diberi kepada pegawai yang diarah oleh Ketua Jabatan berdasarkan keperluan bagi menjalani ujian tersebut tertakluk pada syarat seperti di **Perenggan 6**.
9. Ujian saringan boleh dilaksanakan di mana-mana hospital / klinik kerajaan atau mana-mana hospital / klinik swasta yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti dalam **LAMPIRAN B**.
10. Sebarang kos tambahan yang terlibat **sekiranya ujian saringan dilakukan di hospital / klinik swasta hendaklah ditanggung oleh pegawai sendiri.**

## **Prosedur Permohonan**

11. Tuntutan dan Bayaran
  - (i) seseorang pegawai seperti **perenggan 5 (i)** di atas boleh membuat tuntutan dengan melengkapkan borang seperti di **LAMPIRAN A** beserta resit asal bayaran ujian saringan COVID-19 ke Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.
  - (ii) permohonan tuntutan bagi kategori di **Perenggan 5 (ii)** di atas tidak perlu dikemukakan / melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

**Peraturan bagi pegawai yang telah menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum Tarikh Kuat Kuasa Pekeliling ini dikeluarkan.**

12. Pegawai yang telah menjalani ujian saringan pada **26 September 2020** sehingga tarikh sebelum pekeliling ini dikeluarkan boleh mengemukakan permohonan tertakluk kepada peraturan di **Perenggan 11** di atas tanpa arahan Ketua Jabatan.

13. Pegawai yang telah menjalankan ujian saringan sebelum pekeliling ini dikeluarkan dikecualikan daripada syarat di **Perenggan 6(i)** dan **Perenggan 10** di atas.

**Peraturan bagi pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar stesen / Negeri / Negara.**

14. Kos ujian saringan sebagai syarat perjalanan / penerbangan bagi pegawai yang diarah untuk menjalani tugas rasmi hendaklah dibayar dengan peruntukan sedia ada oleh agensi masing-masing / termasuk dalam tuntutan elau semasa bertugas rasmi berdasarkan kadar semasa ujian di hospital / klinik Kerajaan di daerah tempat bertugas dan tempat yang diarah untuk bertugas.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

15. Pekeliling Perkhidmatan mula berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

#### **PEMAKAIAN**

16. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P.)**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh:

**20 JAN 2021**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8, 9, 10 dan 11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada :      Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
                                  Semua Ketua Jabatan Negeri  
                                  Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
                                  Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
                                  Semua Pegawai Daerah  
                                  Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**“SABAH MAJU JAYA”**

## LAMPIRAN A

### BORANG PERMOHONAN TUNTUTAN UJIAN SARINGAN COVID-19 PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.1/2021 (dikemukakan dalam 3 salinan)

#### SEKSYEN A (Maklumat Pegawai)

1. Nama : .....
  2. No. Kad Pengenalan : .....
  3. Taraf lantikan : .....
  4. Jawatan : .....
  5. Sebab-sebab saringan diperlukan : .....
- .....

Tarikh : .....  
Tandatangan Pemohon

#### SEKSYEN B (Perakuan Ketua Jabatan)

Saya memperakui bahawa penama di atas layak untuk mendapat subsidi ujian saringan COVID-19 di hospital / klinik .....  
berdasarkan justifikasi yang diberikan selaras dengan **Perenggan 6** Pekeliling ini.

Tarikh : .....  
Tandatangan Ketua Jabatan

Ruj. Jabatan : ..... Nama : .....

Jabatan : .....

**LAMPIRAN B**

**Senarai Harga Ujian COVID-19 di fasiliti kesihatan yang terdapat di Negeri Sabah**

NO	Fasiliti	Phone Number	HARGA (RM)						Tempoh masa keputusan	
			Warganegara Malaysia			Bukan Warganegara Malaysia				
			rT-PCR	RTK Antigen	RTK Antibodi	rT-PCR	RTK Antigen	RTK Antibodi		
1	Hospital dan Klinik Kerajaan		RM 150	RM 60	RM 30	RM 250	RM 120	RM 60	3-7 hari	
2	Hospital Gleneagles, Kota Kinabalu	088-518888	RM 300	RM 180		RM 300	RM 180		3 -7 hari (usually 5 days) - based on appointment	
3	Hospital KPJ Specialist, Kota Kinabalu	088 - 322000	RM 388	RM 180		RM 388	RM 180		3 - 5 hari	
4	Hospital JMC, Kota Kinabalu	088-366333	RM 450			RM 450			2 hari ( based on appointment )	
5	Tawau Specialist Medical Hospital	089-771873	RM 499	RM 125		RM 499	RM 125		3 -7 hari ( based on appointment)	
6	Permai Polyclinic Sri Kepayan, Kota Kinabalu	088-249900	RM 350	RM 180	RM 150	RM 350	RM 180	RM 150	2 hari	
7	Permai Polyclinic Bandaran, Kota Kinabalu	088 -246898	RM 390	RM 270		RM 390	RM 270		2 hari	
8	Medisinar Klinik dan Surgeri, Tuaran	088 - 793200	RM 380						4 hari	
9	Medisinar Klinik dan Surgeri , Jalan Sulaman, Kota Kinabalu	088 - 402457	RM 380	RM 70	RM 70	RM 380	RM 70	RM 70	4 -7 hari ( based on appointment )	
10	Medisinar Klinik dan Surgeri , Api-api centre, Kota Kinabalu	088 - 225457	RM 380	RM 70	RM 70	RM 380	RM 70	RM 70	3 - 5 hari (based on appointment)	

Kemaskini sehingga 25/9/2020

**Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia**